



JABATAN PERDANA MENTERI
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG

E-BULLETIN BHEUU

EDISI NOVEMBER DAN DISEMBER



Selamat Datang

YB Dato' Sri Azalina Othman Said
Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Undang-Undang dan Reformasi Institusi)

&

YB Tuan Ramkarpal Singh
Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Undang-Undang dan Reformasi Institusi)

**ke Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang
Jabatan Perdana Menteri**

MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN BHEUU BIL. 3/2022



Pada 3 November 2022 (Khamis), YBhg. Datuk Abd Shukor bin Mahmood, Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri telah mempengerusikan Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan BHEUU Bil. 3/2022 bertempat di Bilik Mesyuarat Perdana, Aras 10, BHEUU.

YBhg. Datuk Abd Shukor bin Mahmood merasmikan Laman Web Rasmi Majlis Bersama Jabatan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri yang diwujudkan setelah mengambil kira pandangan pihak pekerja dan majikan.

Laman web yang masih dalam peringkat percubaan ini bakal menyediakan kandungan terkini kepada warga BHEUU, Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdi) dan Jabatan Bantuan Guaman (JBG).

Turut hadir ialah YBhg. Dato' Anita Harun, Ketua Pengarah Mdi, dan YBhg. Dato' Wan Jeffry bin Kassim, Ketua Pengarah JBG.





SIMULASI **FIRE** **DRILL**



Aktiviti Simulasi Fire Drill di Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang telah dijalankan pada 7 November 2022 (Isnin). Simulasi ini bertujuan memberi latihan dan pendedahan kepada setiap anggota kerja dalam menangani kes-kes kecemasan sekiranya berlaku di BHEUU. Turut hadir Puan Azlin binti Azizan, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) merangkap Pegawai Keselamatan Pasukan Keselamatan Kebakaran Bangunan dan dihadiri oleh Puan Norhamizah binti Hadhim, Penolong Pegawai Keselamatan Jabatan (PPKJ) dan Encik Muhammad Daniyal bin Abd Kadir, Ketua Insiden (KI) PKKB BHEUU.



MAJLIS PENYAMPAIAN

SIJIL KENAIKAN PANGKAT KEPADA KAKITANGAN BHEUU

OLEH YBHG. DATUK ABD SHUKOR BIN MAHMOOD,
KETUA PENGARAH BHEUU.





SESI PERJUMPAAN KETUA PENGARAH BHEUU BERSAMA PEGAWAI BERSARA

Pada 24 November 2022 (Khamis), Sesi Perjumpaan Ketua Pengarah BHEUU Bersama Puan Mahnum binti Daud, Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N22 KUP yang bersara wajib mulai 25 November 2022 telah berlangsung dengan jayanya bertempat di Bilik Ketua Pengarah BHEUU.

Puan Mahnum yang telah lama berkhidmat dalam perkhidmatan awam diikuti YBrs. Encik Zulkarnain bin Rohimi, Pengarah Seksyen Pengurusan Maklumat serta pegawai-pegawai daripada Seksyen Pengurusan Maklumat. Selamat menempuh alam persaraan dan sekalung penghargaan atas khidmat bakti Puan Mahnum binti Daud dalam perkhidmatan awam.





PERJUMPAAN YAB PERDANA MENTERI BERSAMA WARGA **JABATAN PERDANA MENTERI**



Perjumpaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Bersama Warga Jabatan Perdana Menteri (JPM) Bagi Bulan November 2022 telah berlangsung pada 29 November 2022 (Selasa) bertempat di Dataran Bangunan Perdana Putra. YBhg. Datuk Abd Shukor bin Mahmood, Ketua Pengarah BHEUU bersama pegawai-pegawai kanan dan kakitangan BHEUU turut serta dalam majlis yang mengumpulkan pegawai-pegawai pengurusan tertinggi daripada semua agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri.

YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim dalam ucapannya menyeru penjawat awam untuk bekerjasama dengan kepimpinan kerajaan serta membawa semangat islah iaitu perubahan ke arah kebaikan demi negara.





MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL KENAIKAN PANGKAT

**OLEH KETUA PENGARAH BHEUU KEPADA
ENCIK ZAMBARI BIN SALLEH,
JURUTEKNIK KOMPUTER GRED FT22**

Pada 7 Disember 2022 (Rabu), YBhg. Datuk Abd Shukor bin Mahmood, Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-undang telah menyampaikan sijil kenaikan pangkat kepada Encik Zambari bin Salleh, Juruteknik Komputer Gred FT22. Tahniah diucapkan kepada Encik Zambari bin Salleh dan semoga kenaikan pangkat ini memberikan semangat dan iltizam untuk sentiasa memberikan yang terbaik dalam perkhidmatan awam.



LAWATAN KERJA RASMI KE PUSAT TIMBANG TARA ANTARABANGSA ASIA (AIAC) OLEH BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG, JPM BERSAMA KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI KERAJAAN.

Pada 7 Disember 2022 (Rabu), Lawatan Kerja Rasmi ke Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia (AIAC) oleh Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM) Bersama Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan telah berlangsung dengan jayanya bertempat di Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia (AIAC).

Lawatan kerja ini bertujuan untuk memberi pendedahan yang menyeluruh kepada pemegang-pemegang taruh berhubung fungsi, bidang tugas, struktur organisasi dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan AIAC. Hasil lawatan kerja ini mampu mewujudkan persefahaman dan kerjasama yang baik antara AIAC dan Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai salah satu destinasi pilihan berkaitan Alternative Dispute Resolution (ADR) di rantau Asia.

Turut serta ialah wakil-wakil daripada Jabatan Peguam Negara, Kementerian Kewangan, Kementerian Luar Negeri, Jabatan Imigresen Malaysia dan Lembaga Hasil Dalam Negeri. Turut hadir wakil daripada Bahagian Hal Ehwal Undang-undang, YBrs. Tuan Abdul Aziz bin Mohd Johdi, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Pembangunan), BHEUU manakala AIAC diketuai oleh YBhg. Dtuk Prasad Abraham, Timbalan Pengarah AIAC bersama pegawai pengurusan tertinggi AIAC.

YB TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH **MULA TUGAS RASMI SEBAGAI** **TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** **(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Pada 12 Disember 2022 (Isnin), YB Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh memulakan tugas sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) bertempat di Bahagian Hal Ehwal Undang-undang (BHEUU), Presint 3 Putrajaya.

YB Timbalan Menteri seterusnya diberikan taklimat oleh YBrs. Tuan Abdul Aziz bin Mohd Johdi, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Pembangunan) di Pejabat Timbalan Menteri. Turut serta ialah YBrs. Puan Azlin binti Azizan, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) dan YBrs. Encik Zulkarnain bin Rohimi, Pengarah Seksyen Pengurusan Maklumat.



HUMAN RIGHTS DAY FORUM 2022 – STRENGTHENING AND ENHANCING HUMAN RIGHTS TOWARDS LEAVING NO ONE BEHIND



Pada 12 Disember 2022 (Isnin), Human Rights Day Forum 2022 – Strengthening and Enhancing Human Rights Towards Leaving No One Behind telah berlangsung dengan jayanya bertempat di Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur.

Bahagian Hal Ehwal Undang-undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM) dengan kerjasama Kementerian Luar Negeri, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) dan United Nations Malaysia menganjurkan forum yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan sokongan masyarakat terhadap hak asasi manusia dan menggiatkan usaha pelbagai pihak berkepentingan dalam mempromosikan hak asasi manusia.

Forum ini melibatkan beberapa pembicara daripada pelbagai bidang seperti Encik Ragunath Kesavan, Pesuruhjaya SUHAKAM, YBhg. Dato' Prof. Dr. Adeeba Kamarulzaman, Mantan Dekan Perubatan dan Profesor Perubatan dan Penyakit Berjangkit, Universiti Malaya, Cik Azlina Kamal, Pakar Pendidikan UNICEF Malaysia, dan YBhg. Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria, Presiden Persatuan Promosi SDGs dan Senior Felo ISIS Malaysia.

Dalam sesi ini, pembicara telah mengutarakan beberapa pandangan tentang amalan terbaik yang dapat menambah baik undang-undang dan sistem sedia ada berkaitan perlindungan hak asasi manusia di negara ini.

Majlis penutup disempurnakan oleh YB Dato' Sri Azalina Othamn Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi).



PROGRAM JOM MOVIE



Tayangan Jom Movie @Pusat Sumber telah diadakan pada 14 Disember 2022 (Rabu) bertempat di Dewan Saksama, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU). Program yang diadakan sempena cuti persekolahan ini dikhususkan kepada anak-anak warga BHEUU, Jabatan Bantuan Guaman (JBG) dan Jabatan Insolvency Malaysia (Mdi).



YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (UNDANG-UNDANG DAN
REFORMASI INSTITUSI) KETIKA MENGHADIRI MESYUARAT PENGGAL
PERTAMA PARLIMEN KE-15 PADA 19 DISEMBER 2022.



SESI TAKLIMAT

SEKSYEN DASAR DAN PENYELIDIKAN, BHEUU KEPADA
YB TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH,
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)



YBhg. Datuk Abd Shukor bin Mahmood, Ketua Pengarah BHEUU mempengerusikan **Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Pusat Mediasi Covid-19 (Pmc-19)** di Bilik Mesyuarat Perdana, aras 10 BHEUU.



23 DISEMBER 2022 (JUMAAT)

Majlis Penyampaian Sijil Kenaikan Pangkat oleh YBhg. Datuk Abd Shukor bin Mahmood, Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri kepada kakitangan Seksyen Pengurusan Maklumat, **Encik Muhammad Ismail bin Abd. Ghani,** dan **Puan Noorul Ain binti Ali.**





PEGAWAI BAHARU

BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
BAGI BULAN NOVEMBER & DISEMBER 2022



YBRS. DR. BAKRI BIN YAHYA

Pegawai Teknologi Maklumat Gred F48

Tarikh Lapor Diri : 16 November 2022



PUAN HASNIDA BINTI SAMSUDIN

Pegawai Penerangan Gred S48

Tarikh Lapor Diri : 1 Disember 2022



PUAN FADHILAH HANIM BINTI HASHIM

Pegawai Teknologi Maklumat Gred F44 (M)

Tarikh Lapor Diri : 5 Disember 2022



PUAN NATASHA BINTI ABDUL AZIS

Pegawai Undang-Undang Gred L48

Tarikh Lapor Diri : 19 Disember 2022



PEGAWAI BERTUKAR

BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
BAGI BULAN NOVEMBER & DISEMBER 2022



PUAN NURAZILA BINTI AZIZAN

Pegawai Penerangan Gred S48

Jabatan Baru : Kementerian Komunikasi
dan Digital



PUAN MAHNUM BINTI DAUD

Pembantu Tadbir (P/O) Gred N19

Tarikh Bersara Wajib : 25 November 2022



CHOW SIANG KONG

Pegawai Undang-Undang L48 (M)

Jabatan Baru : Jabatan Peguam Negara



PUAN NOR SHAHIDA BINTI MOHD SAHIMI

Pegawai Tadbir Diplomatik Gred M48

Jabatan Baru : Jabatan Perdana Menteri



PEGAWAI BERTUKAR

BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
BAGI BULAN NOVEMBER & DISEMBER 2022



ENCIK MUHAMMAD DANIYAL ABD KADIR
Pegawai Tadbir Diplomatik Gred S48
Jabatan Baru : Kementerian Belia dan Sukan



ENCIK MOHD SUFFIAN BIN HASSAN
Pegawai Tadbir Diplomatik Gred S48
Jabatan Baru : Jabatan Perdana Menteri



JABATAN PERDANA MENTERI
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG

Diterbitkan Oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU)
Aras 4-8, Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang,
Presint 3, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62692 Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Tel : 03-88851000

Faks : 03-88851062

E-mel : bheuu.korporat@bheuu.gov.my